

BERITA HARIAN

DATE: 10 / 04 / 2008

Tenggara bantah tindakan Mahathir

KOTA TINGGI: Kira-kira 148 pemimpin dan ahli Umno cawangan bahagian Tenggara mahu bekas Presiden Umno, Tun Dr Mahathir Mohamad membatalkan rancangan menjelajah seluruh negara menemui ahli akar umbi supaya mendesak Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meletak jawatan sebagai Perdana Menteri.

Ketua Pemuda bahagian Tenggara, Suhaimi Khalid berkata satu memorandum bantahan akan dihantar kepada Dr Mahathir supaya berhenti daripada membuat kritikan secara terbuka dan melalui media kerana tindakan itu ternyata merugikan parti sekali gus membawa kepada perpecahan.

"Kami, semua ketua cawangan, wanita, pemuda, puteri dan ahli akar umbi parti bahagian itu secara sukarela berhimpun semata-mata untuk menyatakan pandangan dan hasrat dengan jelas serta ikhlas.

"Kami berasa sedih dengan isu yang berlaku dan kami tidak mahu perselisihan pendapat antara Dr Mahathir dan Pak Lah (Abdullah) berlarutan.

"Sebagai ahli yang sayangkan parti dan Johor tempat Umno dilahirkan, kami berharap semua pemimpin Umno dapat bersatu membina semula kekuatan parti selepas tamatnya Pilihan Raya Umum Ke-12 baru-baru ini," katanya mewakili ketua ca-

wangan Umno bahagian Tenggara.

Perhimpunan diadakan di kediaman Suhaimi di Taman Kota Merdesa itu dihadiri kira-kira 100 ahli akar umbi dan 48 ketua Umno cawangan, Pergerakan Wanita, Pemuda serta Puteri.

Majlis itu tidak dihadiri pimpinan tertinggi bahagian, termasuk Ketua Umno bahagian, Datuk Halimah Mohamed Sadique sebagai bukti ia adalah perjumpaan ahli akar umbi.

Suhaimi berkata, pimpinan cawangan juga sepakat berdiri di belakang kepemimpinan Pak Lah dan yakin presiden parti itu mampu memimpin parti sekali gus mengembalikan maruah Umno sebagai satu-satunya parti orang Melayu.

Katanya, kepemimpinan Pak Lah sehingga kini sudah terbukti dan beliau perlu diberi peluang untuk meneruskan agenda parti serta memulihkan parti selepas pilihan raya lalu.

Sementara itu, veteran Umno, Mohammad Ali, 69, berkata, semua pihak perlu berhenti mengkritik kepemimpinan parti yang kini berusaha memulihkan keyakinan ahli berikutan keputusan mengejut pada pilihan raya umum lalu.

"Dr Mahathir tidak boleh terus mengkritik dan bercerita lagi berkenaan kisah lalu, sebaliknya duduk semeja menyelesaikan masalah dalam Umno," katanya.